



Oleh HELMI MOHD. FOAD

# Berpolitik dalam era perang siber

**P**ILIHAN RAYA Umum ke-14 (PRU-14) bakal diadakan pada bila-bila masa sahaja. Gelanggang percaturan politik tersebut dikatakan lebih banyak membabitkan generasi muda yang menguasai sebahagian besar daftar pengundi.

Ke manakah hala tuju golongan muda pada pilihan raya umum kali ini? Wartawan *Jurnal* berkongsi mengenai persoalan tersebut bersama Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Seri Irmohizam Ibrahim, 42, yang mempunyai pengalaman luas memimpin persatuan belia.

**JURNAL: PRU-14 dikatakan pilihan raya umum paling mencabar memandangkan ia bakal melibatkan ramai golongan muda. Bagaimana Datuk Seri melihat hala tuju mereka dan apakah pendirian yang sepatutnya diambil golongan tersebut?**

**IRMOHIZAM:** Dalam membuat pemilihan sewaktu PRU-14, seharusnya pengundi muda bersikap matang dan profesional dalam membuat penilaian berdasarkan kredibiliti calon yang akan bertanding.

Perlu dipastikan adakah calon-calon itu turut menggalas aspirasi orang muda. Pengundi muda seharusnya lebih proaktif kerana mereka berperanan sebagai advokasi politik untuk mezhahirkan idea dan pandangan serta bertindak secara rasional untuk memastikan proses demokrasi dapat dijayakan agar negara terus maju ke hadapan.

Setiap undi adalah bernilai dalam menentukan corak kepimpinan masa depan negara. Justeru, kempen 'undi rosak' yang kini viral menerusi laman sosial seharusnya ditolak secara total oleh pengundi muda kerana ia bertentangan dengan prinsip demokrasi berparlimen di samping membudayakan suasana politik yang negatif.

**Dalam keadaan tohmahan dan tekanan yang dibuat parti pembangkang, adakah Datuk Seri melihat di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, golongan muda sebenarnya menerima banyak manfaat selain banyak program yang bersifat *people centric* dilaksanakan berbanding kepimpinan sebelumnya?**

**IRMOHIZAM:** Sememangnya diakui kepimpinan Datuk Seri Najib amat prihatin terhadap pembangunan golongan muda berbanding kepimpinan dahulu apabila memberikan fokus kepada pembangunan golongan muda dari aspek ekonomi, sosial dan taraf hidup. Dalam Bajet 2018 peruntukan



IRMOHIZAM percaya kerajaan telah banyak membantu golongan muda menerusi pelbagai program seperti SLIM dan projek usahawan untuk meningkatkan taraf hidup belia Malaysia.

**“Setiap undi adalah bernilai dalam menentukan corak kepimpinan masa depan negara. Justeru, kempen ‘undi rosak’ yang kini viral menerusi laman sosial seharusnya ditolak secara total oleh pengundi muda kerana ia bertentangan dengan prinsip demokrasi berparlimen di samping membudayakan suasana politik yang negatif**

sebanyak RM40 juta telah disediakan bagi melaksanakan program Skim Latihan IMalaysia (SLIM) yang telah berjaya membantu 130,000 graduan universiti sejak diperkenalkan pada tahun 2011. Ia membantu untuk meningkatkan kebolehpasaran mereka dalam pasaran pekerjaan dan hasilnya lebih 90 peratus pelatih SLIM sudah mendapat pekerjaan.

Malah galakan turut diberikan kepada golongan muda untuk menjadi usahawan menerusi pelbagai bantuan perniagaan seperti agropreneur muda Food Truck IMalaysia dan Mobile Food Kiosk IMalaysia, program pembangunan kapasiti vendor, Tunas Usahawan Belia Bumiputera, Skim

Usahawan Permulaan Bumiputera dan Skim Anjakan Usahawan.

Sementara itu, dalam aspek perumahan pula kerajaan telah mengambil inisiatif melaksanakan **Projek Perumahan Rakyat (17,300 unit)**, PPAIM (25,000 unit), PRIMA yang berharga RM250,000 ke bawah (210,000 unit), Rumah Mesra Rakyat (3,000 unit), MyBNHome (600 unit), dan My Deposit & My Homes (2,000 unit).

Ini adalah sebahagian daripada bukti keprihatinan Perdana Menteri terhadap golongan muda di negara ini.

**Perang siber dianggap sebagai penentu kepada PRU-14.**

**Sudah tentu media sosial akan digunakan habis-habisan bagi tujuan kemenangan parti pembangkang. Bagaimana Datuk Seri melihat perkembangan ini?**

**IRMOHIZAM:** Menurut pendapat ahli falsafah terkenal iaitu Karl Marx: “Sekiranya mahu menguasai pemikiran rakyat, kuasai institusi media dahulu.” Falsafah ini yang telah digunakan oleh pihak lawan pada PRU-13. Bahkan, Perdana Menteri sendiri membuat pengakuan bahawa pilihan raya 2013 adalah *Malaysia's first social media election* atau pilihan raya media sosial pertama.

Oleh itu, saya melihat bahawa PRU-14 sekali lagi akan menjadi medan pertempuran alam maya apabila berdasarkan statistik menunjukkan bahawa daripada 32 juta penduduk Malaysia, dianggarkan 24.5 juta daripada mereka merupakan pengguna internet (76.9 peratus) manakala selebihnya (23.1 peratus) tidak memiliki akses kepada internet.

Tambahan pula, mengikut kajian Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia, telefon pintar merupakan medium utama untuk pengguna internet iaitu sebanyak 89.4 peratus (21.9 juta orang) berbanding medium lain seperti laptop, netbook, PC desktop dan sebagainya.

Selain itu, dianggarkan seramai 23.83 juta rakyat Malaysia memiliki akaun Facebook. Instagram pula menunjukkan peningkatan daripada 46.7 peratus pada tahun 2016 menjadi 56.1 peratus pada 2017 menjadikan anggaran jumlah pengguna Instagram di Malaysia seramai 13.74 juta orang.

Jelas sekali pengaruh media sosial sebagai medium meraih undi pada PRU-14 akan semakin sengit berbanding kaedah konvensional.

## Irmohizam Ibrahim

- **Jawatan:** Ahli Parlimen Kuala Selangor dan Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
- **Umur:** 42 tahun
- **Asal:** Kampung Kuantan, Kuala Selangor
- **Pendidikan:** Ijazah Sarjana Undang-Undang (Kepujian) Universiti Kebangsaan Malaysia dan Doktor Falsafah Pendidikan Dewasa dan Profesional, Universiti Kebangsaan Malaysia